

Jangan angkuh kuasa - Mahathir

KUALA LUMPUR 17 Okt. - Perdana Menteri, **Datuk Sri Dr. Mahathir** malam ini menegaskan bahawa keangkuhan kuasa tidak ada tempat dalam pemerintahan berlandaskan Islam.

Dalam hubungan ini katanya: "Sementara hak orang Islam kita pelihara, hak orang lain kita jaminakan mengikut ajaran Islam."

Berucap sempena awal Muharam 1403 di Radio dan Televisyen Malaysia malam ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menerangkan menerusi amalan itu bukan sahaja Islam akan dihormati tetapi penindasan terhadap orang Islam yang menjadi minoriti di negara lain dapat dikurangkan.

Beliau mengingatkan semua umat Islam bahawa Islam berkembang di Mekah dan Madinah di zaman Nabi kerana keadilan dan timbangrasa dan kerana itu jugalah Islam dihormati dan disegani.

Perdana Menteri juga menarik perhatian semua umat Islam di negara ini bahawa awal Muharam bukan untuk berehat dari kerja atau bercuti atau untuk perayaan tetapi adalah untuk kita memperkukuhkan nilai-nilai dan keazaman, mempertingkatkan kepayaan dalam semua bidang.

"Jika kita pelajar maka kita perlu belajar dengan bersungguh-sungguh. Jika kita pekerja maka kita perlu kerja dengan jujur dan dedikasi. Jika kita peniaga kita perlu menjaya dan mempertingkatkan perniagaan dan perusahaan kita.

"Jika kita pemimpin, kita perlu menumpukan lebih banyak tenaga dan usaha dalam membentuk satu masyarakat Islam yang dihormati oleh semua pihak," tegas Perdana Menteri.

Menurutnya, awal Muharam adalah satu hari untuk memperbaharui azam dan tekad sebagai orang Islam yang committed kepada kebesaran agama Allah dan kesejahteraan penganut-penganutnya.

Ucapan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir ini adalah pertama kali dibuat sempena menyambut awal Muharam dan disiarkan secara langsung oleh RTM.

Datuk Sri Dr. Mahathir selanjutnya mengingatkan bahawa umat Islam di Malaysia berada dalam sebuah negara yang menghormati Islam dan memberi tempat kepada orang-orang Muslim.

"Keadaan ini adalah satu nikmat yang perlu kita hargai kerana orang Islam juga yang berkuasa,"

ujarnya.

"Walaupun demikian kita harus ingat ramai penduduk Malaysia terdiri dari bukan Islam," tambahnya.

"Oleh kerana orang Islam berkuasa, mungkin ada di antara mereka yang berpendapat bahawa keadilan Islam dan timbangrasa Islam tidak perlu dipanjangkan kepada orang bukan Islam," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir lalu menegaskan: "Pada mereka ini perlu diingatkan bahawa Islam berkembang di Mekah dan di Madinah di zaman Nabi kerana keadilan dan timbangrasa Islam dan kerana itu Islam dihormati dan disegani."

Mengenai nasib buruk yang menimpa ke atas orang Islam sekarang ini beliau tidak setakat meletakkan keadaan itu akibat angkara Yahudi dan penyokong-penyokongnya semata-mata.

"Kita patut salahkan mereka ini dan kita patut kutuk mereka.

"Tetapi kita patut juga periksa diri kita sendiri, apakah semangat dan ketabahan hati yang terdapat pada Nabi Besar kita dan sahabat-sahabat Baginda ada pada kita," tanya beliau.

Perdana Menteri berpendapat keadaan ini berlaku adalah juga disebabkan umat Islam tidak jujur, tidak tabah hati, tidak sanggup menghadapi cabaran dan yang penting tidak sanggup berusaha atau berikhtiar untuk menuju ke arah kejayaan.

"Yang jelas, kalau kita lemah, maka kita perlu kuatkan diri, jika kita kurang cekap maka kita perlu berlatih untuk menguasai kecekapan dan jika kita kekurangan ilmu maka kita kejar ilmu walaupun ke Negeri China," tegasnya.

"Ini semua jelas dan dituntut oleh Islam tetapi kita masih asyik berpoya-poya, masih suka mencari alasan dan sebab kenapa kita tidak mungkin buat itu dan ini, masih hendak menyalahkan orang semata-mata," tambah beliau.

"Selagi kita tidak sanggup bertindak secara positif, selama itulah kita dipermainkan dan ditindas," tegasnya.